noor izwan architect
K-2-7, Block K, Lorong Metro 4
Metro Town, Jalan Lintas
88300 Kota Kinabalu, Sabah
T: 088 366 720 . F: 088 366 501
E: noorizwanarchitect@gmail.com

MINIT MESYUARAT

Tarikh	14 September 2020 (Isnin)
Masa	9.30 pagi
Tempat	Bilik Mesyuarat Tapak

Cadangan Pembinaan Projek Balai Bomba Dan Penyelamat Beaufort, Sabah.

MESYUARAT TEKNIKAL NO.7

Kehadiran:

Bil	Nama	Disiplin	No. Telefon
(A)	**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan** (Wilayah 6)		
		KPKTW6	
(B)	**Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Beaufort**		
		JBPM	
		JBPM	
(C)	**Noor Izwan Architect** (Perunding Arkitek)		
1	Ar. Noor Izwan Rahim	NIA	012 - 321 8905
2	En. Wasaly Angkol	NIA	016 - 836 6960
3	En. Syahril Mohd Ariffin	NIA (COW)	011 - 2764 0850
(D)	**Aktif FA Konsult Sdn Bhd** (Perunding Sivil Dan Struktur)		
4	En. Terrance Tang	AFK	016 - 996 1090
5	En. Oh Kok Thu	AFK (ARE)	012 - 866 3113
(E)	**Jurutera Perunding Intelek Sdn Bhd** (Perunding Mekanikal Dan Elektrikal)		
6	Ir. Sherman Bin Daim	JPI	019 - 860 2398
(F)	**PQS Setia Konsult** (Perunding Ukur Bahan)		
7	En. Sharman Bin Sharif	PQS	010 – 951 3639
(G)	**REMT Utama Sdn Bhd** (Kontraktor Utama)		
8	En. Ronny Bin Lesa	REMT	011 - 3646 7021
9	En. Terence Baduk	REMT	012 - 821 0278

<table>
<tr><th>No.</th><th>Perkara</th><th>Tindakan</th><th>Tarikh</th></tr>
<tr><td>1.0</td><td colspan="3">Ucapan Aluan</td></tr>
<tr><td>1.1</td><td>Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.30 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi diatas kehadiran semua wakil dari setiap pihak.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>1.2</td><td>Minit Mesyuarat Teknikal Perunding No. 6 bertarikh 25 Ogos 2020 disahkan tanpa sebarang pindaan.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>2.0</td><td colspan="3">Keperluan Kontrak dan Laporan Kemajuan Kerja</td></tr>
<tr><td>2.1</td><td>Berdasarkan kontrak, berikut adalah maklumat berkaitan projek:

<table><tr><td>Harga Kontrak</td><td>RM6,305,978.26</td></tr><tr><td>Tempoh Kontrak</td><td>18 Bulan (546 Hari)</td></tr><tr><td>Tarikh Mula Kerja</td><td>18 November 2019</td></tr><tr><td>Tarikh Siap Asal</td><td>10 Mei 2021</td></tr><tr><td>EOT No.1</td><td>114 Hari (660 Hari)</td></tr><tr><td>Tarikh Siap Baharu</td><td>1 September 2021</td></tr></table>
EOT No. 1 telah mendapat kelulusan secara automatik (tanpa permohonan) disebabkan PKP pandemik covid-19.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>2.2</td><td>Berdasarkan Laporan Kemajuan Bulanan No.7 (10 September 2020), secara ringkasnya pihak Kontraktor memaklumkan bahawa kemajuan kerja keseluruhan adalah seperti berikut:

<table><tr><td colspan="4">Kemajuan Fizikal</td></tr><tr><td>Jadual Unjuran Kerja (%)</td><td>Unjuran Sebenar (%)</td><td>Kemajuan Kerja (%)</td><td>Kemajuan Kerja (Hari)</td></tr><tr><td>39.00</td><td>38.00</td><td>-1.00</td><td>-6.60</td></tr></table>*Peratusan kemajuan ini berdasarkan EOT 1

REMT memaklumkan kerja-kerja yang sedang dilaksanakan adalah:

i) Kerja-kerja Piling dan Jointing
ii) Kerja-kerja pembinaan Refuse Chamber
iii) Kerja-kerja pembinaan Ground Beam Formwork</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>2.3</td><td>REMT melaporkan akan memastikan pembinaan Rumah Sampah, Setor Logistik dan Kolah Air perlu dipastikan selari dengan Menara Latihan.</td><td>Makluman</td><td>03/12/2019</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>2.4</td><td>Berdasarkan rekod dari Jabatan Meteorologi berhubung kadar taburan hujan yang telah REMT terima, NIA meminta REMT untuk mendapatkan rekod bagi tempoh sekurang-kurangnya untuk 5 tahun.</td><td>REMT</td><td>10/08/2020</td></tr>
<tr><td>2.5</td><td>Perunding meminta pihak REMT untuk merujuk dan kemuka permohonan kelulusan trafik (kelancaran dan keselamatan trafik) serta MDB atau JKR bagi penggunaan sebahagian ruang di jalan utama untuk pembinaan 3 akses di Tapak.</td><td>REMT</td><td>25/08/2020</td></tr>
<tr><td>2.6</td><td>NIA memaklumkan isu lokasi dan kedudukan Rumah Sampah telah diputuskan berdasarkan pengukuran di Tapak Bersama COW Ark.

REMT perlu kemukakan lukisan survey untuk NIA memuktamadkan Lukisan Pembinaan yang turut melibatkan perincian Akses baharu sebelum dimajukan kepada Perunding.</td><td>REMT</td><td>25/08/2020</td></tr>
<tr><td>3.0</td><td colspan="3">Arkitektural</td></tr>
<tr><td>3.1</td><td>NIA memaklumkan cadangan 5 bahan dan pembekal daripada pihak REMT telah disyorkan kepada USB KPKT dan 4 daripadanya diluluskan pada 13 Ogos 2020. Sehingga kini bahan yang belum mendapat kelulusan USB adalah:

<table>
<tr><th>Skop Kerja</th><th>Bahan</th></tr>
<tr><td>Roofing</td><td>UPVC RWDP</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Door</td><td>Fire Rated Door Panel</td></tr>
<tr><td>Roller Shutter</td></tr>
<tr><td>Window</td><td>Tinted Glass</td></tr>
</table>

REMT diminta untuk mengemukakan sample bahan bagi tinted glass window seperti diminta oleh USB.</td><td>USB
REMT</td><td></td></tr>
<tr><td>3.2</td><td>NIA memaklumkan bahawa perubahan rekabentuk yang diluluskan sehingga kini melibatkan:

i) Bench kepada Compartment dan perubahan kedudukan Grid 1.
ii) Akses baharu ke Kuarters sediada.
iii) Kerja penambakan dan turfing di Kawasan Pond sediada.

Berhubung keputusan JBPM berkenaan Compartment, NIA akan menyediakan Lukisan Perubahan Rekabentuk Compartment untuk pengiraan kos oleh PQS.</td><td>NIA</td><td>03/12/2019</td></tr>
</table>

3.3	NIA melaporkan bahawa penambahan kos bagi perubahan kerja *RC Bench* kepada *Compartment* dan penambahan kos bagi pelebaran Grid 1 dikira dan dimohon secara berasingan bagi mempercepatkan kerja seperti diminta oleh W6.	Makluman	
3.4	Berhubung isu penambakan di kawasan *Pond* sediada, NIA telah mengemukakan permohonan perubahan rekabentuk kepada USB KPKT pada 28 Ogos 2020 dan mendapat kelulusan pada 4 September 2020.	Makluman	03/03/2020
3.5	NIA melaporkan rayuan pengecualian Arkitek Lanskap kepada JPBW Unit Lanskap telah ditolak melalui surat bertarikh 17 Ogos 2020 dan pihak UPP KPKT telah mengemukakan rayuan lanjut pada 28 Ogos 2020.	UPP	06/07/2020
3.6	NIA melaporkan terdapat beberapa cadangan penambahbaikan rekabentuk yang telah dikemukakan kepada pihak JBPM Putrajaya berdasarkan perbincangan bersama USB KPKT. Perunding dan REMT akan dimaklumkan sebaik keputusan dibuat oleh JBPM.	NIA USB JBPM	10/08/2020
3.7	NIA memaklumkan sedang menambahbaik Lukisan Pembinaan setelah sesi semakan Pelan Akitektural dibuat bersama pihak USB KPKT. Lukisan pindaan akan disiapkan dan dikemukakan kepada semua.	NIA	10/08/2020
3.8	Seperti dibangkitkan oleh AFK, NIA mengesahkan telah melakukan semakan rekabentuk keatas percanggahan Lukisan Tender dan Lukisan Pembinaan melibatkan: i) Akses baharu ke Kuarters sediada - Kelebaran ruang parkir dan jalan hingga ke *apron* Rumah Sampah. (REMT perlu kemuka lukisan *Survey* sebelum ukuran akses dan Rumah Sampah ditetapkan) ii) Menara Latihan - *RC Fin* dan *internal wall* (Lukisan pada Pelan Tapak telah diubah mengikut Lukisan Perincian) iii) Rumah Pam - Keluasan *Apron,* kedudukan *drain* dan saiz *ramp* (Lukisan pada Pelan Tapak telah diubah mengikut Lukisan Perincian)	NIA AFK REMT	

	iv) Parkir Berbumbung - Jumlah parkir dan saiz bumbung (Dimuktamadkan seperti pada Lukisan Pembinaan. NIA akan kemuka perubahan rekabentuk kepada USB) v) Bumbung Blok Utama - *Gutter* di grid 6-D dan jumlah RWDP (Dimuktamadkan seperti pada Lukisan Pembinaan. Lukisan Perincian AFK adalah tepat) Setiap Perunding telah dimaklumkan melalui emel pada 1 September untuk tindakan penyelarasan Lukisan Pembinaan setiap disiplin.		
3.9	NIA memaklumkan terdapat percanggahan antara Pelan Topo yang diperolehi daripada pihak KPKT diawal projek berbanding Pelan *Survey* daripada REMT. Semakan Pelan Tapak akan dibuat bagi mengesahkan kedudukan Komponen Bangunan dan ukuran akses.	NIA	
4.0	**Sivil Dan Struktur**		
4.1	AFK memaklumkan akan membuat semakan lanjut berhubung kelulusan pelan-pelan berikut memandangkan kelulusan DP & BP telah diperolehi. Salinan surat kelulusan dan Pelan DP & BP akan dimajukan kepada PBT terlibat. <u>MSMA</u> Telah dikemukakan kepada Majlis Daerah Beaufort (MDB) pada 29 Nov 2019. - Terdapat ulasan berkenaan drainage dan leveling daripada JPS, AFK perlu ambil tindakan lanjut. <u>ESCP</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019. - Terdapat ulasan daripada JPS, perlu kemukakan Pelan Lokaliti terkini JPBW dan Jabatan Tanah & Ukur. <u>Sistem Retikulasi</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019. - Belum terima sebarang ulasan daripada JANS. <u>Jalan Raya</u> Akan dikemukakan kepada JKR Beaufort pada pertengahan September 2020, menunggu KPKT untuk tandatangan Pelan. <u>Pembentungan</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019. 2019. - AFK telah kemuka semula Pelan pada 14 September 2020 kepada JKR Beaufort.	AFK	03/12/2019

4.2	REMT memaklumkan anggaran kos bagi akses baru ke Kuarters sediada telah diserah untuk semakan dan tindakan PQS. Tambahan kos melibatkan 1 Lampu Jalan (JPI/REMT) perlu diserahkan untuk PQS majukan kepada KPKT. NIA perlu memuktamadkan lukisan berkaitan kedudukan Rumah Sampah dan Akses baharu bagi semakan perubahan kos.	JPI REMT	06/07/2020
4.3	AFK melaporkan sedang membuat semakan dan pengesahan berhubung perubahan rekabentuk struktur secara keseluruhan memandangkan terdapat perbezaan ketara antara Lukisan Tender dan Lukisan Pembinaan C&S. AFK akan kemuka kepada UKAS pada minggu hadapan setelah mematuhi setiap ulasan terdahulu daripada UKAS.	AFK	10/08/2020
4.4	AFK mengarahkan REMT untuk menyediakan Lukisan *As-Built* bagi setiap peringkat penyiapan kerja-kerja struktur untuk tujuan semakan dan pengesahan sebelum kerja-kerja lain dilaksanakan. Lukisan *As-Built* bagi kerja *piling* dan *stump* perlu disegerakan.	REMT	25/08/2020
4.5	NIA meminta AFK menyenaraikan Lukisan As-Built yang perlu disediakan oleh REMT bagi memudahkan pemantauan perlaksanaan dan penyiapan kerja.	AFK	25/08/2020
5.0	**Mekanikal Dan Elektrikal**		
5.1	REMT mengesahkan telah melantik M&E *Supervisor*. REMT diminta untuk meminda Carta Organisasi dengan maklumat terkini, dicetak dalam saiz A1 dan dilekatkan dalam Bilik Mesyuarat Tapak bersama Program kerja yang telah diluluskan W6.	REMT	03/12/2019
5.2	REMT perlu menyediakan *shop drawings* dan mengemukakan semua peralatan M&E untuk ulasan JPI dan kelulusan Unit M&E (KPKT). ARE AFK menegaskan REMT perlu segera sediakan *shop drawing* memandangkan kerja-kerja *soil pipe* di *ground beam* akan dilaksanakan dalam masa terdekat. JPI perlu menyenaraikan *shop drawing* yang diperlukan.	REMT	03/12/2019
5.3	JPI mengesahkan telah menerima profil syarikat daripada REMT bagi kerja M&E kecuali bagi skop *Plumbing*, *Fire Fighting* dan *PA System*.	REMT	03/03/2020

5.4	JPI memaklumkan bahawa pihak SESB Beaufort telah mengeluarkan surat tiada halangan ke atas perubahan pencawang SESB namun JPI perlu mengemukakan semula lukisan rekabentuk pencawang pada 21 September 2020.	JPI	03/12/2019
5.5	PQS memaklumkan masih belum menerima justifikasi perubahan lokasi dan saiz SESB daripada JPI untuk dimajukan kepada KPKT.	JPI	03/03/2020
5.6	JPI mengesahkan telah mengemukakan salinan surat kelulusan berserta Pelan Pembangunan (*Development Plan*) yang diluluskan oleh Majlis Daerah Beaufort kepada SESB pada 28 Ogos 2020 namun permohonan bekalan elektrik (PD9 *Form*) yang dikemukakan pada 14 November 2019 masih belum diluluskan. JPI perlu membuat semakan lanjut.	JPI	03/12/2019
5.7	REMT melaporkan telah membuat pembetulan dan kemaskini kos berhubung perincian rasionalisasi BQ M&E dan kini sedang disemak oleh JPI.	JPI	03/03/2020
5.8	REMT memaklumkan bahawa kedudukan kabel elektrik sediada di 3 kawasan akses yang akan dibina memberi kesan kepada kerja-kerja *piling.* JPI memaklumkan telah mengemukakan surat cadangan kepada SESB Beaufort pada 23 Ogos 2020 untuk menambah ketinggian tiang serta kabel elektrik berbanding memindahkannya bagi penjimatan kos.	JPI	06/07/2020
5.9	JPI memaklumkan bahawa calon COW M&E yang baharu telah diluluskan W6 dan dijangka memulakan tugas di Tapak pada 15 Oktober 2020.	JPI	10/08/2020
6.0	**Ukur Bahan**		
6.1	Berhubung isu V.O Akses baharu, lukisan perincian *MS Grating* telah diterima daripada AFK. Kos dan lokasi bagi 1 tiang lampu dan pemindahan *cable* belum diperolehi daripada JPI. NIA perlu kemuka lukisan perincian akses berdasarkan Lukisan Survey dari REMT yang akan turut melibatkan kedudukan Rumah Sampah untuk semakan kos.	REMT NIA JPI	
6.2	PQS memaklumkan pihak AFK perlu kemuka surat pengesahan Lukisan Kontrak kepada Unit Ukur Bahan.	AFK	06/07/2020

7.0	**Hal-hal Lain**		
7.1	Perunding perlu mengemukakan kepada KPKT permohonan perubahan kerja melibatkan perubahan lokasi dan saiz pencawang SESB sebaik surat daripada SESB Beaufort diterima.	NIA AFK JPI	06/07/2020
7.2	Perunding sedang membuat semakan berhubung Lukisan Pembinaan masing-masing dan setiap percanggahan mahupun isu berbangkit akan dibincangkan dalam Mesyuarat Teknikal akan datang. Pindaan rekabentuk dan perubahan kos yang timbul akan dikemukakan secara bersama mengikut komponen Blok.	Perunding	10/08/2020
7.3	REMT melaporkan telah mendapatkan salinan Lukisan Pembinaan daripada Perunding dalam bentuk softcopy kecuali NIA. NIA akan emel kepada REMT pada minggu ini.	NIA	25/08/2020
8.0	**Penutup**		
8.1	Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.00 pagi dan Mesyuarat Teknikal No. 8 akan dimaklumkan kemudian.	Makluman	

Disediakan oleh:
noor izwan **architect**

Ar. NOOR IZWAN RAHIM
Principal
24 September 2020